

12/01/2000

RAM ramal ekonomi negara kembang 6.1 peratus

Misiah Taib

SEMPENA Syawal, selamat hari raya diucapkan kepada semua umat Islam di negara ini. Alhamdulillah kejayaan negara keluar daripada kemelut ekonomi, membolehkan kita menyambut Aidilfitri pertama alaf baru ini, dengan penuh meriah.

Semuanya hasil usaha dan kesungguhan pemimpin negara, selain sokongan padu masyarakat pelbagai kaum di negara ini, dalam menjayakan pelan pemulihan yang dilaksanakan kerajaan.

Hasilnya, Keluaran Negara Kasar (KNK) Malaysia berkembang 8.1 peratus bagi suku ketiga tahun lalu dan membuka laluan bagi prestasi lebih baik untuk suku tahunan terakhir 1999.

Agensi penarafan, Rating Agency Malaysia Bhd (RAM) meramalkan KDNK Malaysia bagi keseluruhan 1999 berkembang 4.6 peratus, manakala ramalan kerajaan pula ialah 4.3 peratus.

RAM meramalkan ekonomi negara akan meningkat 6.1 peratus tahun ini dan ramalan kerajaan ialah peningkatan lima peratus.

Yang pasti, alaf baru ini diramal menjanjikan pertumbuhan ekonomi negara lebih menggalakkan. Namun ia tidak seharusnya menyebabkan kita semua leka, sebaliknya kita perlu terus berwaspada dengan mengamalkan sikap berjimat cermat sepanjang masa.

Dalam hal ini, nasihat pemimpin negara, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam perutusan Aidilfitri baru-baru ini, patut dijadikan iktibar oleh semua.

Perdana Menteri meminta agar rakyat khususnya umat Islam di negara ini bersikap sederhana menyambut Aidilfitri.

Beliau berkata, walau pun rakyat berhak bergembira, tetapi ia tidak seharusnya menyebabkan mereka hilang akal, sebaliknya kegembiraan pada hari raya adalah kegembiraan yang sederhana kerana ia adalah sambutan keagamaan.

Walau pun hanya meliputi sekitar 15 peratus daripada kira-kira 2 juta penduduk Sarawak, masyarakat Melayu di negeri itu turut menyambut Aidilfitri secara sederhana tetapi meriah.

Alhamdulillah, pembangunan menyeluruh dan keharmonian kaum di negeri itu, membolehkan mana-mana kaum pun di Sarawak menyambut perayaan masing-masing dalam suasana aman serta meriah, walau pun negeri itu mempunyai lebih 30 suku etnik.

Dalam masa sama, kerajaan negeri sentiasa memandang ke hadapan, dalam meningkatkan taraf ekonomi penduduknya, di samping memastikan setiap kaum di Sarawak, dapat merasai nikmat pembangunan yang dilaksanakan.

Bagi tahun pertama alaf baru ini, Kerajaan Sarawak, meletakkan sasaran untuk mencapai pertumbuhan ekonomi negeri 6.5 peratus.

Untuk itu, peruntukan sebanyak RM3.343 bilion ditetapkan bagi Belanjawan Negeri 2000 yang dirangka selari dengan Belanjawan Negara 2000, dengan sasaran utama arah merangsang kepesatan pertumbuhan ekonomi di negeri itu.

Jumlah berkenaan meningkat 13 peratus, berbanding belanjawan 1999 yang berjumlah RM2.965 bilion.

Daripada jumlah itu, sebanyak RM2.275 bilion atau 68 peratus diperuntukkan bagi perbelanjaan pembangunan, manakala baki RM1.068 bilion atau 32 peratus adalah bagi perbelanjaan mengurus.

Belanjawan 2000 bagi negeri Sarawak, turut menumpukan kepada penstrukturan ekonominya mencatat pertumbuhan lebih pesat.

Perolehan hasil negeri Sarawak tahun ini dijangka meningkat kepada

RM2.266 bilion, iaitu naik sebanyak RM90 juta atau 4 peratus, berbanding anggaran pendapatan RM2.176 bilion pada 1999.

Apa pun sasaran serta matlamat yang diletakkan oleh kerajaan, kerjasama semua penduduk di negeri itu amat diperlukan, bagi menjamin kejayaannya.

(END)